

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/384459235>

Karamah Insaniah dan Proses Kemenjadian Dalam Pendidikan Al-Hikmah: Satu Tinjauan Awal Manhaj Malizy (Insaniah Karamah and the Creation Process in Al-Hikmah Education: A Preliminar...

Article in *International Journal of Advanced Research in Education and Society* · September 2024

DOI: 10.55057/ijares.2024.6.3.28

CITATIONS

0

READS

358

5 authors, including:



Rashidin Bin Idris

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

29 PUBLICATIONS 107 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)



Hamdan Salleh

UNISEL | Universiti Selangor

29 PUBLICATIONS 4 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)



Ng Ming Yip

UNISEL | Universiti Selangor

21 PUBLICATIONS 10 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)



Nor Aida Sapuan

UNISEL | Universiti Selangor

13 PUBLICATIONS 3 CITATIONS

[SEE PROFILE](#)

Karamah Insaniah dan Proses Kemenjadian Dalam Pendidikan Al-Hikmah: Satu Tinjauan Awal Manhaj Malizy (*Insaniah Karamah and the Creation Process in Al-Hikmah Education: A Preliminary Review of Manhaj Malizy*)

Rashidin Idris^{1,3*}, Hamdan Mohd Salleh², Ng Ming Yip³, Nor Aida Sapuan⁴,
Rus Shafrena Shafie⁴, Siti Nur Azilah Saipul⁵

¹ Institut Kajian Pilihan Raya dan Pemajuan Demokrasi (IESAD), Universiti Selangor, Malaysia

² Institut Pemikiran dan Kepimpinan Siddiq Fadzil, Universiti Selangor, Malaysia

³ Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia

⁴ Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia

⁵ Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti, Universiti Selangor, Malaysia

* Pengarang Koresponden: crashidin7@unisel.edu.my

Received: 27 July 2024 | Accepted: 7 September 2024 | Published: 30 September 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2024.6.3.28>

Abstrak: Artikel ini membincangkan konsep karamah insaniah dan proses kemenjadian dalam konteks pendidikan Al-Hikmah. Karamah insaniah, yang merujuk kepada kemuliaan dan penghormatan terhadap martabat manusia, merupakan asas penting dalam pendidikan Islam yang bertujuan membentuk individu yang seimbang dari segi rohani, intelek, dan emosi. Melalui pendekatan Al-Hikmah, pendidikan berusaha mengembangkan potensi insan secara holistik, menggabungkan ilmu pengetahuan, akhlak, dan spiritualiti. Sekaligus proses kemenjadian pelajar yang lengkap dari sudut spiritual dan jasmani dapat direalisasikan. Tinjauan awal ini meneliti bagaimana prinsip-prinsip karamah insaniah diaplikasikan dalam proses kemenjadian pelajar, menekankan peranan guru sebagai murabbi yang tidak hanya menyampaikan ilmu tetapi juga membimbing perkembangan sahsiah dan moral pelajar. Dalam masa yang sama, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan 7 Teras Utama Kurikulum Persekolahan 2027. Kajian ini juga menyoroti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan pendidikan Al-Hikmah dan menawarkan beberapa cadangan untuk memperkukuhkan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan semasa dengan mengambil kira impak serta keberkesanannya terhadap perkembangan ekonomi negara.

Kata Kunci: Pendidikan Al-Hikmah, Karamah Insaniah, Kemenjadian, Kurikulum Persekolahan

Abstract: This article discusses the concept of intellectual karamah and the process of creation in the context of Al-Hikmah education. Karamah insaniah, which refers to the glory and respect for human dignity, is an important foundation in Islamic education that aims to form individuals who are balanced spiritually, intellectually, and emotionally. Through the Al-Hikmah approach, education strives to develop human potential holistically, combining knowledge, morals, and spirituality. At the same time, the process of becoming a complete student from a spiritual and physical point of view can be realized. This preliminary survey examines how the principles of karamah insaniah are applied in the process of becoming a student, emphasizing the role of the teacher as a teacher who not only imparts knowledge but

also guides the development of the student's personality and morals. At the same time, the Malaysian Ministry of Education (KPM) has introduced the 7 Main Cores of the 2027 School Curriculum. This study also highlights the challenges faced in the implementation of Al-Hikmah education and offers some suggestions to strengthen its implementation in the current education system by taking into account its impact and effectiveness on the country's economic development.

Keywords: Al-Hikmah Education, Insaniah Karamah, Being, School Curriculum

1. Pengenalan

Pendidikan Al-Hikmah yang diusulkan oleh Siddiq Fadzil adalah konsep pendidikan yang menekankan keseimbangan antara ilmu pengetahuan dan nilai-nilai moral serta spiritual. Pendekatan ini bertujuan untuk menghasilkan individu yang tidak hanya cerdas secara intelektual, tetapi juga memiliki integriti, etika, dan rasa tanggungjawab sosial yang tinggi. Siddiq Fadzil (2021) menekankan pentingnya kecemerlangan insan dalam pelbagai aspek sehingga menjadi ejen perubahan dalam masyarakat dan kebimbangan bencana kependidikan yang sedang menimpa seperti yang digambarkan oleh Harry R. Lewis dalam bukunya *Excellence Without a Soul*, untuk menggambarkan krisis pendidikan yang kehilangan esensi, erti hakiki dan misi mulia yang disandarkan.

Dalam era globalisasi dan modernisasi yang pesat ini, pendidikan Al-Hikmah relevan dalam membentuk generasi yang mampu menghadapi tantangan dunia dengan bijaksana dan berakhlak mulia. Kajian ini akan mengeksplorasi prinsip-prinsip dasar pendidikan Al-Hikmah, implikasinya terhadap sistem pendidikan, serta bagaimana pendekatan ini dapat diimplementasikan untuk merekayasa masyarakat yang lebih praktikal dan berwawasan jauh.

Al-Hikmah membawa maksud kebijaksanaan yang menggunakan akal budi, keupayaan, mahir dan pandai dalam aspek dimensi pengetahuan (Ernawati et al., 2024). Selain itu, Malaysia dibebani dengan isu-isu seperti kemahiran berfikir yang rendah, keruntuhan akhlak di kalangan remaja, kekurangan kemahiran insaniah dan sebagainya (Othman et al., 2023). Dalam masa yang sama, pembangunan dan kemajuan sesebuah negara pada masa kini banyak bergantung kepada kepesatan sains dan teknologi. Idris dan Bacotang (2023) menyatakan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai dasar dalam aspek sains dan teknologi berdepan dengan masalah tenaga bakat (*talent pool*) untuk memenuhi aspirasi serta dasar yang pelaksanaannya sehingga tahun 2030.

Kementerian Pendidikan Malaysia, melalui menterinya Fadhlina Sidek memperkenalkan konsep karamah insaniah sebagai tunjang dalam membangunkan Kurikulum Persekolahan 2027 yang selari dengan gagasan Rukun Negara serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Berita Harian, 2023). Menurut Ketua Pengarah Pendidikan, seramai 10, 160 daripada 383, 685 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi sesi 2023 tidak menduduki dan menghadiri peperiksaan tersebut (Sinar Harian, 2024). Ini tentunya akan memberikan dampak dan kesan jangka panjang kepada perkembangan kualiti pendidikan di Malaysia.

Penerapan pendidikan Al-Hikmah ini sekaligus bukan hanya berkisarkan mengenai subjek atau mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja, namun merentasi dimensi subjek-subjek mata pelajaran yang lain untuk melahirkan generasi masyarakat yang mampu menjadi ejen perubahan kepada ummah dan negara. Siddiq Fadzil percaya bahawa dengan pembudayaan

dan penghayatan ilmu yang jelas atau terarah mampu memberikan impak yang signifikan kepada masyarakat serta negara. Budaya ilmiah sebenarnya yang dapat membangkitkan ghairah menguasai ilmu dan mempelajari Bahasa-bahasa ilmu. Tanpa landasan motivasi budaya ilmu yang kuat, penguasaan Bahasa Inggeris akan tetap lemah, dan andainya kuat sekalipun tidak dengan sendirinya menjadikan seseorang itu ilmuwan (Siddiq Fadzil, 2012).

Malah, dengan kepesatan dan kebergantungan ekonomi negara terhadap ledakan penguasaan sains dan teknologi (Idris et al., 2023a). Menurut Siddiq Fadzil (2018a) pembangunan negara memerlukan penjana ekonomi yang memerlukan pembangunan institusi, teknologi dan infrastruktur. Pembangunan ekonomi memerlukan sokongan budaya yang betul. Etos kerja, prinsip motivasi dan prinsip moral yang kukuh pula diperlukan untuk mendokong aspirasi tersebut.

2. Pendidikan Al-Hikmah

Siddiq Fadzil (2022) berpandangan bahawa menjadi miskin dan lemah bukan menjadi pilihan utama kepada mana-mana rakyat di seluruh negara. Mereka miskin kerana dimiskinkan oleh struktur, sistem dan dasar yang diamalkan oleh masyarakat. Kehidupan golongan fakir miskin akan berubah apabila mereka dibebaskan daripada belenggu struktur dan dasar yang menindas dan melumpuhkan. Maka, dengan melalui jalan pendidikan, perubahan struktur sosial masyarakat dapat diperbaiki secara fundamental.

Pandangan ini turut disokong oleh golongan orientalis barat yang mempunyai kajian mendalam mengenai perubahan struktur masyarakat dapat diatasi dengan elemen pendidikan sebagai tema utama. Marginson (2019) menyatakan bahawa dalam teori *Human Capital* yang diperkenalkan oleh Gary Becker tahun 1963 menunjukkan bahawa kecemerlangan pendidikan menjadi tunjang kepada pembangunan serta kejayaan sesuatu masyarakat. Klinger (2019) turut menyatakan bahawa dalam teori *Modernization* yang diperkenalkan oleh Lipset dan rakan-rakan juga menekankan penguasaan ilmu dan pendidikan menjadi elemen kepada kejayaan masyarakat serta sesebuah negara.

Justeru, Siddiq Fadzil (2009) telah menggagaskan satu pendekatan pendidikan yang mengangkat nilai-nilai Al-Hikmah sebagai tunjang kepada arus pendidikan negara yang begitu rencam dengan pelbagai cabaran serta ujian yang menguji kemampuannya, dalam masa yang sama melahirkan generasi masyarakat yang mampu memenuhi aspirasi negara berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Di samping itu, Siddiq Fadzil (2021) menyatakan falsafah pendidikan Al-Hikmah sebagai sebuah tawaran alternatif. Beliau menjelaskan bahawa falsafah pendidikan Al-Hikmah adalah seperti berikut:

‘Pendidikan Islam adalah proses pembinaan dan penyempurnaan insan mukmin yang berilmu, berhikmah, berketerampilan, beriltizam dengan nilai-nilai keshohlian dan setia melaksanakan tanggungjawab pengabdian serta kebaktiannya sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya. Berpandukan petunjuk wahyu dan berlandaskan akidah islamiah yang berteraskan tauhid, usaha ini bermatlamat membentuk peribadi Rabbani yang terpadu, seimbang dan murni demi mencapai keridhaan Allah.’

(Falsafah Pendidikan Al-Hikmah)

Al-Hikmah menjadi salah satu jenis kaedah pendidikan yang bertujuan untuk membimbing manusia (pelajar) untuk meraih sebanyak mungkin kebaikan bagi kehidupan di dunia dan akhirat (Ernawati et al., 2024). Pendidikan Al-Hikmah merupakan satu pendekatan bagi memperkasa elemen 14 Nilai Al-Hikmah yang diambil daripada surah Luqman daripada ayat 12 sehingga 19 dan dijadikan sebagai teras serta tema kompetensi dalam pendidikan Al-Hikmah (Siddiq Fadzil, 2014). Kesemua 14 nilai Al-Hikmah adalah seperti yang terangkum dalam gambar rajah di bawah.



Rajah 1: 14 Nilai Pendidikan Al-Hikmah

Dalam 14 nilai pendidikan Al-Hikmah yang digagaskan oleh Siddiq Fadzil telah menggariskan elemen-elemen nilai seperti syukur, hikmah, tauhid, kasih sayang, keadilan, ilmu, ikhlas, kema'rufan, Al-bir, akhlak, Inabah, amala, sabar dan seni sebagai perkara yang perlu digarap dan diberikan penekanan penting dalam pendidikan Al-Hikmah (Rohana, 2016). Namun, elemen nilai pendidikan Al-Hikmah ini pula perlu disinergikan dengan karakter yang dapat menjadi asas utama kepada penyemaian sikap dan keperibadian kepada golongan sasar (pelajar) yang menjadi keutamaan kepada hasil kemenjadian produk pendidikan Al-Hikmah. Berdasarkan rajah 2 menunjukkan elemen karakter yang dapat dihasilkan melalui pendekatan pendidikan Al-Hikmah.



Rajah 2: Kompetensi Karakter Al-Hikmah

Rajah 2 menunjukkan kompetensi karakter Al-Hikmah daripada garapan dan kemenjadian pendidikan Al-Hikmah. Terdapat beberapa ciri karakter dan peribadi yang dapat dihasilkan melalui pendidikan Al-Hikmah yang akhirnya mempunyai manfaat kepada pembangunan masyarakat, ummah dan negara secara komprehensif serta holistik. Antara objektif yang disasarkan dalam karakter pendidikan Al-Hikmah adalah budaya Al-Quran, istiqomah iltizam, ummatik, budi, berilmu, adab bakti, harakiy, lestari dan pemimpin (Rohana, 2016).

Namun, menjadi satu persoalan sangat penting sejauh mana elemen pendidikan Al-Hikmah mampu untuk digeneralisasikan kepada konteks semasa yang mana sistem pendidikan kita di Malaysia begitu rencam dan pelbagai. Lebih-lebih lagi masyarakat yang terdiri daripada lapisan budaya, kepercayaan agama dan etnik. Dalam masa yang sama ia perlu merentasi negeri Sabah dan Sarawak yang perlu diberikan penekanan penting dalam aspek pemeraksanaan pendidikan dari segenap aspek baik fasiliti serta keciciran pelajar dalam kawasan pedalaman.

Siddiq Fadzil (2021) menyatakan bahawa komitmen pendidikan seharusnya untuk membina manusia yang utuh dan seimbang. Malah, menurut beliau penumpuan terhadap prestasi akademik yang berlebih-lebihan sehingga mengabaikan aspek dimensi kemanusiaan lain juga perlu diberikan perhatian. Sistem yang mengangkat orientasi peperiksaan sebagai petunjuk kualiti seseorang, menyebabkan masyarakat mulai menyuarakan pandangan keprihatinan terhadap sistem persekolahan pada masa kini.

Pendidikan yang menekankan matlamat untuk membebaskan anak bangsa dari belenggu 'minda tawanan' seperti yang dilontarkan oleh Prof. Syed Hussein Al-Attas dan pendidikan kaum tertindas oleh tokoh pendidikan dari Brazil, Paolo Freire menjadi satu panduan untuk menjadi gagasan minda bagi menuntut memperjuangkan pendidikan liberative-transformatif (Siddiq Fadzil, 2021).

Melalui pendekatan pendidikan Al-Hikmah menunjukkan bahawa tujuan utama bagi menghasilkan produk masyarakat bukan hanya merujuk dalam sesetengah kelompok atau etnik sahaja. Malah, ia merentasi sempadan kepercayaan, budaya, etnik dan demografi yang mempunyai perbezaan dari aspek geografi baik di kawasan bandar serta luar bandar khususnya di pedalaman.


Pendidikan memainkan peranan penting dalam mengubah struktur sosial dan memperbaiki keadaan masyarakat. Melalui pendidikan terutamanya pendidikan yang berteraskan nilai-nilai al-hikmah, masyarakat dapat dibebaskan dari belenggu kemiskinan dan ketandusan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Malah, penekanan dalam pembinaan insan berilmu, berhikmah dan berakhlak adalah bertujuan bagi membentuk peribadi yang seimbang dalam memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi, tetapi dalam masa yang sama membentuk individu yang mampu memenuhi aspirasi murni negara.

3. Karamah Insaniah (Kemuliaan Insan)

Karamah insaniah merujuk kepada suatu proses kemenjadian kepada kemuliaan dan penghormatan terhadap martabat manusia, merupakan asas penting dalam pendidikan Islam yang bertujuan membentuk individu yang seimbang dari segi rohani, intelek, dan emosi. Menurut Abd Rahim dan Diah (2023) pendidikan merupakan suatu proses berterusan yang mempunyai matlamat bagi mengangkat martabat dan kemuliaan insan (karamah insaniah) sebagai elemen utama dalam pembinaan adab, akhlak, dan integriti.

Menurut Siddiq Fadzil (2018b) perjuangan untuk mengatasi semua punca kemiskinan harus menjadi intipati Malaysia Baharu. Kemiskinan tidak hanya terdapat di pedalaman desa terpencil, tetapi ia juga boleh didapati di tengah-tengah bandar yang terang-benderang. Keadilan sosial tidak selalu dikaitkan dengan pembangunan bandar. Ini selari dengan pendekatan kerajaan yang menekankan prinsip-prinsip MADANI bagi membina masyarakat Malaysia yang lebih dinamik dan progresif ke arah kemajuan masyarakat secara holistik (Abdullah et al., 2023).

Bertitik tolak daripada agenda dan gagasan minda Siddiq Fadzil, maka pendekatan untuk melahirkan generasi masyarakat yang mengangkat tema karamah insaniah perlu diterjemahkan.



Rajah 3: 7 Teras Utama Kurikulum Persekolahan 2027

Berdasarkan rajah 3, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan pendekatan 7 teras utama bagi Kurikulum Persekolahan 2027. Antara isu yang diberikan penekanan penting dalam 7 teras ini adalah isu keciciran pembelajaran dalam kalangan pelajar. Usaha ini turut merangkumi pendekatan atau strategi bagi mengatasi masalah pelajar yang berhenti sekolah sebelum tamat pendidikan. Pelbagai inisiatif seperti program sokongan akademik,

intervensi awal, dan sinergi dalam kalangan ibu bapa serta komuniti merupakan langkah penting bagi memastikan para pelajar mempunyai peluang yang setara.

Isu keciciran murid di sekolah bukan lagi perkara baharu dan menjadi rahsia, terdapat statistik menunjukkan angka 435, 000 murid di sekolah rendah dan menengah berhadapan dengan risiko isu keciciran pembelajaran (Berita Harian, 2024). Kebajikan guru juga antara perkara yang menjadi agenda dan tekad untuk diperjuangkan bagi melahirkan kebahagiaan emosi dalam melahirkan karamah insaniah (Noh et al., 2023). Ini turut disokong oleh Pryce-Jones (2010) yang jelas menyatakan bahawa kebahagiaan di tempat kerja sebagai faktor penting dalam peningkatan produktiviti, prestasi, motivasi, kualiti dan keberkesanan pekerja. Sekaligus, jika kebajikan para guru ini dapat dipelihara secara tidak langsung proses pembentukan karamah insaniah dalam kalangan pelajar dapat diperkasakan.

Kajian Raman et al. (2019) menunjukkan bahawa pihak Kementerian perlu memperkasakan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para guru dalam aspek pengajaran di kawasan sekolah-sekolah luar bandar. Ini sekali gus menjadi medium untuk para guru dapat menghasilkan kaedah pembelajaran yang lebih berkesan dan mencapai objektif. Dalam masa yang sama, Idris et al. (2023a) menyatakan antara cabaran besar dalam mencapai keberkesanan Pelan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah fasiliti yang tidak mencukupi untuk memastikan matlamat utama dapat dicapai akibat kekangan tersebut. Siddiq Fadzil (2021) menekankan aspek karamah insaniah bagi memastikan impak dan implikasinya kepada pembangunan negara serta masyarakat.

Dalam pada itu, isu kemiskinan multidimensi yang melingkari pelajar-pelajar di negara ini perlu dilihat dengan perspektif yang berbeza agar pendidikan mampu menjadi ejen perubahan kepada status sosial keluarga. Syukri et al. (2019) menyatakan kemiskinan merujuk kepada ketidaksejahteraan, ketertinggalan dan kemunduran sesuatu masyarakat. Mereka juga berpandangan bahawa kemiskinan terbahagi kepada dua dimensi iaitu kemiskinan mutlak dan relatif, kemiskinan mutlak adalah merujuk kepada keadaan kekurangan atau kemampuan pendapatan kasar bulanan untuk membeli keperluan asas isi rumah. Maka, pelajar yang tergolong dalam kategori sebegini berisiko berhadapan mendapatkan pendidikan yang sempurna.

Akhir sekali, 7 teras utama Kurikulum Persekolahan 2027 turut memberikan penekanan dalam aspek meningkatkan pendidikan digital. Khalissafri dan Mohd Isa (2023) menekankan perkembangan yang begitu pantas dalam bidang digital sedikit sebanyak memberikan impak yang signifikan terhadap bidang pendidikan. Idris et al. (2023) berpandangan bahawa impak revolusi 4.0 kepada pendidikan yang menekankan pendekatan terhadap bidang dalam STEM juga menjadi potensi awal kepada peluang pekerjaan dalam kalangan pelajar sekolah di masa hadapan kerana kebergantungan pembangunan negara dalam aspek sains dan teknologi yang begitu signifikan.


Pendidikan mempunyai peranan yang signifikan dalam mengangkat martabat manusia (karamah insaniah) dan membentuk individu yang seimbang dari aspek rohani, intelek, dan emosi sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dalam masa yang sama, pendidikan juga perlu menangani isu kemiskinan, keciciran pelajar, kekurangan fasiliti terutama di kawasan luar bandar agar pendidikan setara dapat direalisasikan serta kebajikan para guru-guru turut diambil perhatian yang serius. Dengan pengenalan 7 teras Kurikulum Persekolahan 2027 dapat menangani pelbagai isu dan cabaran dalam pendidikan di Malaysia.

4. Hala Tuju Dan Implikasi Pendidikan Al-Hikmah

Pendidikan Al-Hikmah merujuk kepada pendidikan berdasarkan nilai-nilai kebijaksanaan dan kearifan dalam Islam, ia memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk individu muslim yang beriman dan bertanggungjawab. Dalam konteks kontemporari, hala tuju dan implikasi pendidikan Al-Hikmah telah menarik perhatian para pendidik dan masyarakat umum yang menghargai integrasi ilmu pengetahuan dengan nilai-nilai moral. Lebih-lebih lagi dengan lambakan isu dan gejala sosial yang menimpa generasi anak muda hari ini.

Kajian ini akan mengupas secara mendalam tentang bagaimana pendidikan Al-Hikmah dapat membentuk karakter dan keperibadian generasi masa depan, serta bagaimana nilai-nilai ini dapat memberi implikasi positif dalam konteks pendidikan global yang semakin kompleks dan mencabar. Dengan memahami hala tuju dan tujuan akhir dari pendidikan Al-Hikmah, kita dapat menggali potensi transformasi dalam menciptakan masyarakat yang adil, harmoni, dan sejahtera.

Melalui penelitian dan refleksi terhadap prinsip-prinsip Al-Hikmah, kajian ini bertujuan untuk memberikan wawasan yang mendalam tentang bagaimana pendekatan ini dapat diimplementasikan secara efektif dalam institusi pendidikan semasa. Dengan demikian, kajian ini tidak hanya menggambarkan landskap pendidikan masa kini tetapi juga menyediakan pandangan mendalam tentang bagaimana pendidikan Al-Hikmah dapat menjadi solusi bagi menghadapi tantangan pendidikan masa depan. Dengan mengambil kira daripada pelbagai aspek, kita akan memahami lebih baik tentang bagaimana nilai-nilai kebijaksanaan Islam dapat diterjemahkan ke dalam praktik pendidikan yang memberdayakan potensi insan dan mampu menginspirasi masyarakat dengan lebih meluas.



Rajah 4: Model Kompetensi Al-Hikmah

Rajah 4 menunjukkan model bagi kompetensi Al-Hikmah yang merangkumi tiga bahagian yang menjadi dasar kepada model tersebut. Perkara yang menjadi teras kepada model kompetensi nilai Al-Hikmah adalah ilmu dan kemahiran yang merujuk kepada kesepaduan ilmu, berhikmah fikir dan zikir serta ilmu dan amal. Selain itu, dalam teras kompetensi Al-Hikmah juga turut merangkumi budaya Al-Quran termasuklah soal penghayatan Al-Quran dan sunnah.

Bagi ciri karakter adalah berpandukan kepada kepimpinan, adab, bakti, iltizam, istiqomah dan lestari sebagai karakter yang digagaskan dalam model kompetensi Al-Hikmah. Akhir sekali adalah impak dan tindakan daripada model kompetensi Al-Hikmah yang menjadi produk akhir iaitu ummatik, haraki dan budi. Ummatik memfokuskan kemenjadian sebagai insan yang mempunyai jiwa khayra ummah dan mengaplikasikan rahmatan lil alamin sebagai panduan kehidupan. Bagi harakiy pula merujuk kepada dinamik, responsif dan pengamalan amal jama'iy. Akhir sekali adalah elemen nilai budi iaitu budaya sentrik dan fokus komuniti.

4.1 Teras Model Kompetensi Al-Hikmah

Teras utama dalam pendidikan ini adalah nilai al-hikmah, yang menekankan kebijaksanaan sebagai dasar pembinaan karakter individu. Nilai al-hikmah bertujuan untuk membentuk individu yang bukan sahaja berilmu tetapi juga berhikmah dalam tindakan mereka (Siddiq Fadzil, 2021). Selain itu, penekanan diberikan kepada keseimbangan antara ilmu dan kemahiran, yang merangkumi kesepaduan ilmu, berfikir secara berhikmah, serta mengamalkan zikir dan fikir (Rohana, 2016). Gabungan ini memastikan pelajar menguasai pengetahuan dan kemahiran praktikal yang relevan. Seterusnya, penghayatan Al-Quran dan Sunnah dijadikan sebagai budaya yang diterapkan dalam kehidupan seharian, menekankan pentingnya membina kehidupan yang berpandukan kepada nilai-nilai Quranik.

4.2 Ciri Karakter Model Kompetensi Al-Hikmah

Ciri-ciri karakter yang diharapkan daripada pendidikan berteraskan al-hikmah termasuklah kepimpinan yang berwibawa, adab yang baik, komitmen yang teguh, dan kesinambungan dalam usaha. Individu yang memiliki karakter ini diharapkan dapat memimpin dengan bijaksana dan beradab dalam tindakan mereka (Siddiq Fadzil, 2021). Selain itu, budi merujuk kepada budaya sentrik dan fokus komuniti, yang menekankan pentingnya hubungan yang harmonis dalam masyarakat. Ini juga merangkumi tindakan-tindakan yang memupuk nilai-nilai kebajikan dan kepedulian terhadap komuniti (Rohana, 2016). Tambahan pula, harakiy menggambarkan individu yang dinamik dalam tindakan mereka, responsif terhadap perubahan, dan mengutamakan kerja secara kolektif.

4.3 Impak dan Tindakan Model Kompetensi Al-Hikmah

Siddiq Fadzil (2021) impak atau tindakan yang diharapkan daripada pendidikan ini ialah melahirkan individu yang mampu berfungsi sebagai "Khayra Ummah" (umat terbaik) dan "Rahmatan Lil Alamin" (rahmat untuk seluruh alam). Tindakan ini berfokus kepada memberi manfaat kepada seluruh masyarakat dan menjadi rahmat bagi seluruh alam semesta (Rohana, 2016). Melalui pendidikan berteraskan nilai al-hikmah, diharapkan individu-individu ini dapat memberikan sumbangan positif yang signifikan kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

5. Cadangan Dan Agenda Masa Depan

Penyepaduan nilai-nilai al-hikmah dalam kurikulum sekolah perlu mengambil kira agar proses integrasi nilai-nilai al-hikmah dalam semua subjek, bukan hanya dalam Pendidikan Islam

sahaja. Ini akan memastikan setiap mata pelajaran mengandungi elemen moral, etika, dan spiritual yang menyeluruh. Selain itu, peningkatan kompetensi guru juga perlu diperkasakan agar kemampuan para sang pendidik ini mampu memenuhi keperluan semasa yang lebih mencabar. Guru-guru perlu dilatih secara berterusan melalui program latihan dan bengkel berkala untuk menguasai pendekatan Al-Hikmah. Guru-guru harus dibekalkan dengan alat dan sumber yang diperlukan untuk menerapkan nilai-nilai ini dalam pengajaran mereka.

Di samping itu, pengukuhan pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman juga perlu diberikan keutamaan bagi memastikan agenda pendidikan melalui elemen Al-Hikmah dapat direalisasikan. Fasiliti pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman harus diperbaiki untuk memastikan akses kepada pendidikan berkualiti adalah adil dan saksama bagi semua pelajar, tanpa mengambil kira lokasi geografi tempat tinggal mereka. Siddiq Fadzil (2016) percaya dengan dengan pembinaan bangsa kepelbagaian dapat diraih dalam bingkai kesatuan dalam kerangka kesatuan nasional.

Selain daripada itu, penglibatan komuniti dan ibu bapa juga perlu terlibat secara proaktif dan konsisten bagi memastikan agenda mengangkat pendidikan yang bermutu tinggi bukan hanya menjadi tugas pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja. Komuniti dan ibu bapa perlu dilibatkan secara aktif dalam proses pendidikan untuk memastikan nilai-nilai Al-Hikmah dipraktikkan di rumah dan masyarakat. Kempen kesedaran dan program kolaboratif antara sekolah, ibu bapa, dan komuniti boleh memperkukuhkan sokongan dan penglibatan mereka.

Dalam masa yang sama, penggunaan teknologi dalam pendidikan juga perlu dipertingkatkan agar kemampuan para pelajar dan guru-guru terhadap ledakan sains dan teknologi seiring dengan perkembangan zaman semasa. Teknologi perlu digunakan untuk menyebarkan nilai-nilai Al-Hikmah melalui platform digital seperti modul e-pembelajaran, video pendidikan, dan aplikasi interaktif. Pembangunan aplikasi pendidikan digital yang berfokus kepada nilai-nilai Al-Hikmah dan akses internet yang menyeluruh adalah penting untuk menyokong inisiatif ini.

Tambahan lagi, kajian dan penyelidikan berterusan perlu dilaksanakan secara sistematik. Ini penting agar kajian dan penyelidikan berterusan mengenai keberkesanan pendidikan Al-Hikmah terus menjadi bahan perbincangan secara ilmiah dan diperkasakan dari masa ke semasa. Malah, dengan penubuhan pusat kajian dan penyelidikan khas di universiti-universiti yang fokus kepada pendidikan Al-Hikmah juga dapat menjadi satu mercu tanda agar pendekatan pendidikan Al-Hikmah mempunyai kesinambungan sehingga di peringkat pengajian tinggi (IPT).

Akhir sekali, pembangunan ekonomi berasaskan budaya ilmu yang menjadi tunjang kepada peradaban sesebuah masyarakat dan negara. Budaya ilmu yang kuat perlu ditanamkan di kalangan pelajar untuk memastikan mereka menjadi individu yang berpengetahuan luas dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Program yang menggalakkan inovasi dan kreativiti, seperti pertandingan, bengkel, dan kerjasama dengan industri, perlu diterapkan secara meluas. Ini sekali gus dapat melahirkan para pelajar yang memiliki potensi yang bermanfaat kepada pembentukan sesebuah masyarakat yang lebih dinamik dan maju.

6. Kesimpulan

Pendidikan Al-Hikmah yang diusulkan oleh Siddiq Fadzil menekankan keseimbangan antara ilmu pengetahuan dan nilai-nilai moral serta spiritual untuk menghasilkan individu yang tidak hanya cerdas secara intelektual, tetapi juga memiliki integriti, etika, dan rasa tanggung jawab

sosial yang tinggi. Pendekatan ini relevan dalam era globalisasi dan modernisasi, di mana ia berperanan penting dalam membentuk generasi yang mampu menghadapi tantangan dunia dengan bijaksana dan berakhlak mulia. Dengan mengangkat nilai-nilai Al-Hikmah, pendidikan ini bertujuan untuk membebaskan masyarakat dari belenggu kemiskinan dan menindas, serta memperbaiki struktur sosial secara fundamental melalui pembinaan insan yang berilmu, berhikmah, dan berakhlak. Penerapan pendidikan Al-Hikmah juga mencerminkan komitmen untuk membina manusia yang utuh dan seimbang, serta memperjuangkan pendidikan liberatif-transformatif yang merentasi batasan budaya, etnik, dan geografi, dalam usaha mencapai aspirasi murni negara.

Penghargaan

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Universiti Selangor atas sokongan padu. Artikel ini dibiayai melalui geran I/IPKSF – BIBLIOGRAFI/UNISEL2023/SS01.

Rujukan

- Abdullah, S., Hussin, N. S., Ahmad, T. S. T., Rose, N. N., Basir, S. N. A., & Azmin, A. A. (2023). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*(pp. 239-249).
- Abd Rahim, B. H., & Diah, N. M. (2023). Membangun kemuliaan insan (karamah insaniah) menerusi sukan: Naratif pengorbanan diri atlet-murid sukan Goal-ball di Kuala Lumpur. *International Journal for Studies on Children, Women, and Disabled*, 18, 147-156.
- Berita Harian. (2023). Konsep ‘karamah insaniah’ tunjang Kurikulum Persekolahan 2027. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2023/12/1186632/konsep-karamah-insaniah-tunjang-kurikulum-persekolahan-2027>.
- Berita Harian. (2024). Tangani bersama isu keciciran murid dalam pembelajaran. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2024/04/1241008/tangani-bersama-isu-keciciran-murid-dalam-pembelajaran>.
- Ernawati, Muhammad Yusuf, & Mardan. (2024). Al-hikmah dalam Al-Quran. *Kumpulan Artikel Pendidikan Anak Bangsa (Kapasa) : Jurnal Pendidikan, Sosial Dan Humaniora*, 4(1), 1-13. <https://doi.org/10.37289/kapasa.v4i1.416>.
- Idris, R., & Bacotang, J. (2023). Exploring STEM education trends in Malaysia: Building a talent pool for Industrial Revolution 4.0 and Society 5.0. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 381–393. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v12-i2/16825>.
- Idris, R., Govindasamy, P., & Nachiappan, S. (2023a). Challenge and obstacles of STEM education in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(4), 820 – 828. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i4/16676>.
- Idris, R., Govindasamy, P., & Nachiappan, S., Bacotang, J. (2023b). Revolutionizing STEM education: Unleashing the potential of STEM interest careers in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 13(7), 1741-1752. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i7/17608>.
- Khalissafri Mohd Haslin & Mohd Isa Hamzah. (2023). Pendigitalan Pendidikan: Kesiediaan dan Cabaran Terhadap Murid dalam Pembelajaran [Digitization of Education: Readiness and Challenges for Students in Learning]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(1), 41-57.

- Klinger, J. M. (2019). *A scientific approach to development: Modernization theory BT - Social Science and National Security Policy: Deterrence, Coercion, and Modernization Theories* (J. M. Klinger, ed.). https://doi.org/10.1007/978-3-030-11251-6_4.
- Lokman, M. A. A., & Ibrahim, B. (2017). The development of the terminology of al-hikmah in the history of usul al-fiqh. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 745–760. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i6/3034>.
- Marginson, S. (2019). Limitations of human capital theory. *Studies in higher education*, 44(2), 287-301.
- Noh, M. A. C., Azizan, C. R., Zainol, M. Z., Rani, N., Arif, N. S. M., Ab Karim, N. A., ... & Ibrahim, A. N. (2023). The relationship between availability and emotional happiness in creating karamah insaniah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 7(2), 152-162.
- Othman, M. K. H., Abdullah, S., Mohd, M. F., Yaakob, M. S. O. F., & Zakaria, N. (2023). The development of student outcome in al hikmah aspects in the era of industrial revolution 4.0. AIP Conference Proceedings, 2254 (1), <https://doi.org/10.1063/5.0118921>.
- Pryce-Jones, J. (2010). *Happiness at work: Maximizing your psychological capital for success*. Wiley Blackwell. <https://doi.org/10.1002/9780470666845>
- Raman, K., Othman, N., & Affandi, H. M. (2019). Jurang penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) di antara sekolah bandar dengan luar bandar. *Malaysian Journal of Education*, 44, 109-119.
- Rohana Kamaruddin. (2016). *Pendidikan Kompetensi Al-Hikmah*. Yayasan Takmir Pendidikan.
- Siddiq Fadzil. (2009). *Negara maju: Menilai kemungkinan mengangkat gagasan kenegaraan Al-Farabi sebagai model dan acuan. Pembudayaan ilmu membina jati diri ketamadunan*. Kolej Darul Hikmah.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah.
- Siddiq Fadzil. (2016). *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Siddiq Fadzil. (2018a). *Membina kesatuan bangsa: Kerukunan hidup bersama dalam budaya damai*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Siddiq Fadzil. (2018b). *Hijrah ke Malaysia Baharu: Mencari makna di balik kata*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Siddiq Fadzil. (2021). *Pendidikan Al-Hikmah dan misi pencerahan. Himpunan pidato kependidikan*. Kajang: Kolej Darul Hikmah.
- Sinar Harian. (2024). Lebih 10, 000 pelajar tidak hadir duduki peperiksaan SPM 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/666884/berita/nasional/lebih-10000-pelajar-tidak-hadir-duduki-peperiksaan-spm-2023>.
- Syukri, M. S., Farahein, N., & Samat, N. (2019). Penggunaan analisis faktor bagi menentukan faktor pendorong kemiskinan isi rumah di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*, 16(6), 1-18.